

10/10/2003

Negara anggota komited tumpu sektor teknologi

NEGARA anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bersetuju menyatakan komitmen masing-masing terhadap inisiatif untuk mementingkan pengetahuan dan kebolehan sains dan teknologi (S&T) dalam usaha meninggikan taraf sosioekonomi ummah.

Wawasan itu terkandung dalam draf resolusi Deklarasi Kuala Lumpur mengenai S&T yang dicadangkan pada Persidangan OIC mengenai S&T di sini yang bermula sejak 7 Oktober lalu.

Pengerusi Jawatankuasa persidangan, Datuk Dr Salleh Mohd Nor, berkata terdapat tujuh elemen utama yang dikenal pasti bagi mencapai Wawasan 1441 iaitu komitmen, keupayaan dan kapasiti, kerjasama, tumpuan, kebudayaan, komuniti dan simpati.

Katanya, kemahiran dalam S&T tidak berlaku dengan sengaja tetapi mestilah dirancang dan memerlukan komitmen di peringkat tertinggi dalam kerajaan, industri serta institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Draf ini mengemukakan 22 cadangan dalam pelan tindakannya bagi memenuhi kriteria tujuh elemen utama di atas antaranya menerima Wawasan 1441 dan objektifnya untuk digunakan sebagai penunjuk terhadap pembangunan S&T bagi tempoh dua dekad akan datang.

"Objektif utama wawasan ini ialah mencapai sekurang-kurangnya 14 peratus hasil saintifik berbanding dua hingga tiga peratus ketika ini menjelang 1441 Hijrah menerusi peningkatan pelaburan dalam S&T termasuk R&D; mempunyai tenaga kerja berkebolehan sekurang-kurangnya 1,441 penyelidik, saintis dan jurutera (sekarang 226) per sejuta pekerja serta meningkatkan pelaburan dalam R&D sekurang-kurangnya 1.4 peratus daripada pertumbuhan kadar produk domestik (GDP) (0.2 peratus sekarang)," katanya, semalam.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan draf resolusi dan cadangan Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai S&T pada Persidangan OIC Mengenai S&T yang berlangsung empat hari bermula 7 Oktober lalu.

Cadangan lain termasuk:

- * Mengadakan Persidangan OIC Mengenai S&T selaras dengan Persidangan Menteri Luar OIC (ICFM) yang diadakan setiap tahun.

- * Menubuhkan tabung permulaan berjumlah AS\$500 juta untuk membiayai penubuhan Tabung R&D Negara Pan-Islam untuk mempromosi pelaburan R&D serta Dana Pelaburan Teknologi Dunia Islam seperti modal teroka untuk pertukaran teknologi dan pertumbuhan syarikat berasaskan teknologi baru.

- * Penyebaran maklumat portal dan data dalam S&T dan industri kepada negara anggota oleh Jawatankuasa Kerjasama Saintifik dan Teknologi OIC dengan bantuan Bank Pembangunan Islam (IDB).

- * Mengembangkan kerjasama bukan saja dengan negara anggota tetapi juga negara lain yang lebih maju untuk membangunkan S&T.

- * Malaysia dengan kerjasama negara anggota lain memulakan projek perintis dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara terbabit.

Bagaimanapun, Salleh berkata, pihaknya menerima cadangan lain daripada peserta persidangan itu untuk dimasukkan ke dalam draf resolusi berkenaan.

"Draf resolusi ini akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok dan kemudian Menteri Luar untuk diterima dan disahkan," katanya.